

30 AUG 1999

MALAYSIA BINTANG CERAH DI ASIA TENGGARA, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu menyeru rakyat Malaysia supaya terus mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemajuan yang menjadika Malaysia bintang cerah di Asia Tenggara.

"Ini perlu berada dalam minda kita tidak kira di mana kita berada dan apa yang kita buat," kata beliau dalam perutusan Hari Kebangsaan ke 42.

Beliau berkata, hanya kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh memastikan keamanan, kestabilan dan kemajuan berterusan.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya menyeru orang ramai supaya menjadikan perpaduan di kalangan pelbagai kaum sebagai keutamaan mereka.

"Kita telah maju selama 42 tahun di bawah kerajaan BN yang telah menyediakan kita dengan standard kehidupan lebih baik, kehidupan berkualiti, kerajaan yang stabil dan yang memperjuangkan perpaduan negara," kata Samy Vellu.

Samy Vellu berkata, hari ini Malaysia berdiri teguh sebagai contoh negara perindustrian yang baru.

"Kemajuan ini adalah kerana komitmen dan dedikasi BN," katanya lagi.

Beliau juga menyanjungi Dr Mahathir, kerajaan BN dan rakyat kerana usaha gigih mereka yang akhirnya menyaksikan negara bangkit kembali daripada kegawatan.

-- BERNAMA

ES PR